

# Rabies: Zoonosis dan isu kesihatan awam veterinar

UMUM mengetahui isu wabak rabies ataupun penyakit anjing gila masih akif di Sarawak. Pelbagai aktiviti pengawalan dan pencegahan komprehensif sedang giat dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak, dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS), DVS Sarawak dan pihak berkaitan dalam mengawal dan membendung penularan wabak tersebut.

Penyakit rabies adalah penyakit yang dapat dan mampu dicegah. Negara kita pernah ditarafkan sebagai negara bebas rabies sebelum ini. Pada 2012, Persatuan Sedunia untuk Kesihatan Haiwan (World Association for Animal Health) pernah menarafkan Malaysia sebagai negara bebas rabies apabila kes terakhir yang melibatkan anjing berlaku pada 1999.

Namun demikian penarafan ini bertahan sehingga 2015 di mana kejadian wabak rabies dalam kalangan anjing berlaku sekali lagi. Semenjak itu sehingga kini beberapa kes jangkitan rabies telah dilaporkan khususnya di Sarawak sejak

pengisytiharan pada 31 Julai 2017 dengan kumulatif 28 kes dengan kematian terbaru pada 12 November lepas.

## APA ITU VIRUS RABIES?

Secara ringkasnya rabies tergolong dalam order Mononegavirales, keluarga Rhabdoviridae, virus dengan genom RNA yang tidak terikat dan bersifat negatif yang merangkumi sekurang-kurangnya tiga generasi virus haiwan iaitu Lyssavirus, Ephemerovirus, dan Vesiculovirus.

Genus Lyssavirus merangkumi virus rabies, kelawar Lagos, virus Mokola, virus Duvenhage, virus kelawar Eropah 1 & 2 dan virus kelawar Australia. Rabies merupakan penyakit zoonotic yang boleh menjangkiti hampir kesemua

jenis mamalia termasuk manusia.

## HAIWAN APA YANG BOLEH DIJANGKITI OLEH RABIES?

Secara umumnya hampir kesemua mamalia boleh mendapat jangkitan rabies dan antara reservoir

(takungan) untuk rabies liar ialah seperti rakun, skunk, kelawar, dan rubah. Selain daripada itu haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing juga mempunyai risiko yang tinggi jangkitan rabies.

Simptom klinikal pada haiwan yang kerap dikecualikan melibatkan perubahan kelakuan (agresif), gejala kerosakan saraf, lumpuh dan yang lazimnya akan berakhir dengan kematian.

## BAGAIMANA MENGENAL PASTI HAIWAN MEMPUNYAI RABIES?

Rabies berjangkit melalui luka gigitan, luka terbuka pada kulit atau melalui permukaan mukosa daripada air liur, cairan atau tisu tubuh yang terjangkit. Tempoh inkubasi juga boleh bertahan sehingga enam bulan, dan tempoh jangkitan di dalam haiwan domestik seperti anjing mungkin seawal 15 hari sebelum simptom awal muncul dan ia berakhir dengan kematian.

Haiwan-haiwan yang digigit oleh haiwan rabid (haiwan yang telah dijangkiti) akan melalui dua tahap tanda klinikal sama ada agresif atau dungu. Pada tahap agresif haiwan yang telah dijangkiti akan bertindak sangat agresif dan akan menggigit semua haiwan, manusia dan juga pergerakan di sekelilingnya.

Selepas fasa agresif haiwan tersebut akan mula lemah, menjadi lumpuh atau dungu sebelum mati. Hendaklah diingatkan ba-

hawa kedua-dua peringkat ini mempunyai risiko jangkitan kepada manusia.

## APAKAH PERANAN KITA SEBAGAI PEMILIK HAIWAN PELIHARAAN?

Pemilik haiwan boleh dikatakan sebagai penyebab utama tidak langsung terhadap masalah penyebaran wabak rabies. Hal ini kerana sikap pemilik yang tidak bertanggungjawab dengan mengabaikan keperluan asas haiwan peliharaan mereka seperti makanan dan minuman dan

juga tempat tinggal.

Keadaan seperti ini akan mendorong haiwan peliharaan mereka seperti anjing dan kucing bebas merayau tanpa sekatan untuk mencari makanan dan sebagainya.

Ditambah lagi dengan tanda suntikan imunisasi diberikan pada haiwan tersebut mengikut jadual yang telah ditetapkan meletakkan haiwan tersebut pada tahap yang terdedah

a p a b i l a  
m e m -  
p u -

n y a i  
k o n t a k  
dengan haiwan

liar ataupun haiwan rabid.

Oleh yang demikian tanggungjawab pemilik terhadap haiwan peliharaan mereka amatlah penting kerana usaha yang sedikit ini sedikit sebanyak akan dapat menekan penularan wabak.

## APA PERLU SAYA LAKUKAN SEKIRANYA HAIWAN PELIHARAAN SAYA MENGGIGIT ORANG LAIN?

Sekiranya kita mendapati haiwan peliharaan kita khu-

susnya anjing telah menggigit orang lain, sebagai masyarakat Malaysia yang berhemah tinggi dan perihatin hendaklah kita bertanggungjawab. Janganlah kita mengabaikan mangsa dan membela haiwan peliharaan kita semata-mata.

Banyak kes yang kita lihat di media sosial terutama penjalan kaki/posmen/runner Food Panda yang diabaikan selepas menjadi mangsa gigitan. Nasihatkan mangsa untuk pergi ke fasiliti kesihatan terdekat dengan segera untuk mendapatkan rawatan.

Selain itu, kita juga hendaklah melaporkan kes tersebut kepada Pihak Berkuasa

Veterinar untuk tindakan selanjutnya daripada mereka untuk menguarantin haiwan tersebut bagi pemantauan tanda-tanda rabies.

Vaksinasi haiwan peliharaan kita sekali lagi juga amat penting selepas tempoh pemantauan bagi memastikan haiwan tersebut pada tahap yang selamat dan bebas rabies.

## APA PERLU SAYA LAKUKAN JIKA HAIWAN PELIHARAAN SAYA DIGIGIT HAIWAN LAIN?

Sekiranya haiwan peliharaan kita mendapat gigitan daripada haiwan lain khususnya haiwan liar berjumpalah dengan doktor haiwan pada kadar yang segera. Kita juga hendaklah melaporkan kes tersebut kepada Pihak Berkuasa Veterinar sebagai langkah berjaga-jaga.

Vaksinasi haiwan perlu dilakukan semula pada haiwan tersebut walaupun pernah divaksin sebelumnya. Selain itu, kuarantin haiwan juga perlu dilakukan. Hal ini penting bagi tujuan pemantauan tingkah laku haiwan tersebut selepas mendapat gigitan.

Untuk haiwan peliharaan yang tidak pernah mendapat vaksinasi, haiwan tersebut hendaklah diasingkan selama

enam bulan untuk memastikan ia betul-betul bebas daripada jangkitan.

### APA PERLU KITA LAKUKAN UNTUK MEMBENDUNG RABIES?

Sebagai masyarakat Malaysia yang prihatin, adalah tanggungjawab kita bersama dalam membendung wabak ini daripada terus merebak dan meningkat pada tahap yang lebih parah. Amatlah penting untuk kita mengikuti saranan dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Sarawak.

Sebagai pemilik haiwan peliharaan adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan anjing atau kucing peliharaan telah mendapatkan suntikan anti-rabies di klinik haiwan terdekat dan mengelakkan kontak bersama haiwan atau anjing liar.

Jika anjing atau kucing peliharaan didapati tidak sihat atau agresif, dapatkan rawatan di klinik haiwan dan laporkan ke Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar setempat pada kadar yang segera.

Sen-tiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi juga amat penting seperti amalan kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun selepas kontak

dengan anjing peliharaan.

Penyakit rabies ini terse-narai sebagai Penyakit Wajib Lapor. Oleh itu hendak-lah kita sentiasa peka dan melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan jika terdapat anjing liar yang agresif berkeliaran di kawas-an tempat tinggal kita supaya langkah-langkah pencegahan awal dapat dilaksanakan den-gan berkesan.

Dalam pada kita bejuang menentang pandemik COV-ID-19 yang melanda dunia masa ini, bersama-sama jugalah kita menentang wabak rabies yang masih aktif khususnya di negeri Sarawak.

Bersama-samalah kita membendung penularan ra-bies dan meletakkan penara-fan Sarawak khususnya, Ma-

laysia amnya sebagai negara bebas rabies semula. Dengan kerjasama yang jitu daripada semua lapisan masyarakat kita akan mampu mengawal dan mencegahnya. - (Artikel ini disediakan oleh Dr Suhaili Mustafa, Pensyarah Kanan di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel suhailimustafa@upm.edu.my')